

08/12/1998

Azhar azam cipta dua rekod dunia

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Berbekalkan dorongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sokongan seluruh rakyat negara ini, pelayar tempatan, Azhar Mansor kini sedia mencipta dua rekod dunia dengan kapal layar `Jalur Gemilang', bermula di sini, akhir Januari depan.

Pertama, Azhar, 40, nekad untuk belayar tanpa henti secara solo mengikut laluan baru yang disahkan Majlis Rekod Kelajuan Pelayaran Dunia (WSSRC) yang berpejabat di England dan kedua, memecahkan rekod 105 hari mengelilingi dunia yang dimiliki pelayar Perancis sebelum ini.

Menurutnya, kata-kata semangat Perdana Menteri iaitu `Jangan takut-takut, buat balik mai (ke mari) sudah' akan sentiasa dijadikan perangsang untuk melayari Jalur Gemilang sehingga ke penamat.

"Saya anggap tugas ini seperti pergi berperang. Kalau sudah ditugaskan, kita kena pergi juga dan tidak ada masa untuk memikirkan soal mati.

"Takut tetap takut, tetapi kerana tugas ini perlu diselesaikan, saya perlu melakukannya. Perasaan takut perlu diketepikan," katanya di Awana Porto Malai, di sini.

Sabtu lalu, Perdana Menteri merenjis air mawar ke atas Jalur Gemilang yang akan digunakan oleh anak jati Perlis itu dalam pelayaran sejauh 40,000 kilometer atau 26,000 batu nautika.

Azhar berkata, usaha juga sedang dilakukan supaya WSSRC dapat mempercepatkan proses kelulusan untuk menghantar wakilnya bagi menyaksikan percubaan yang akan bermula dan berakhir di Langkawi.

Beliau yang berpengalaman lebih 20 tahun sebagai pelaut akan memulakan percubaan dengan kapal layar berharga RM1.8 juta itu selepas dua tahun membuat persiapan.

Beliau juga bercadang untuk menubuhkan pusat komunikasi di Kuala Lumpur dan Langkawi bagi membolehkan orang ramai mengesan kedudukannya sepanjang pelayaran itu.

Rancangan itu, katanya, yang diusahakan bersama penajanya, Sapura Holdings, juga membolehkan mereka menghantar ucapan kepadanya melalui pusat itu menerusi Internet.

Bagaimanapun, katanya, rancangan itu masih dibincangkan dengan syarikat berkenaan.

"Cita-cita saya ialah untuk mencipta sejarah bagi diri saya dan negara dengan semangat Malaysia Boleh.

"Bagaimanapun, pelayaran ini bukan sekadar untuk memenuhi impian sendiri tetapi lebih untuk mencipta nama demi reputasi negara dengan cara berbeza," katanya.

Azhar bercadang memulakan pelayaran dari sini akhir Januari depan walaupun fenomena La Nina mula melanda negara sekarang dan berazam mengatasi rekod dunia 105 hari pelayaran solo tanpa henti.

Menurutnya, dengan pengalaman luas sebagai pelaut, beliau bersedia menghadapi cabaran cuaca dan angin kuat ketika pelayaran itu.

Beliau akan membawa makanan segera untuk keperluan sepanjang pelayaran itu. Kapal layar sepanjang 15 meter dan seberat 6.5 tan itu sesuai untuk belayar mengelilingi dunia secara solo.

Adalah dipercayai Azhar akan menjadi orang pertama mengelilingi dunia dengan memulakan pelayarannya di Lautan Hindi kerana kebanyakan percubaan sebelum ini dilakukan dari Lautan Atlantik.

Azhar berjaya belayar dengan Jalur Gemilang dari Sydney, Australia tempat kapal layar itu dibina ke Pelabuhan Klang pada 25 Oktober lalu,

iaitu satu ciptaan rekod.

Beliau menyifatkan laluan paling berbahaya dalam perjalanan itu ialah di Cape Horn, Amerika Selatan kerana di situ adalah tempat pertemuan di antara Lautan Pasifik dan Lautan Atlantik.

Keadaan itu akan menyebabkan keadaan laut bergelora dengan ombak besar.

Penaja utama pelayaran itu ialah Kumpulan Gapadu Sdn Bhd dengan kerjasama Perna Coporation, Sapura Group, NTV 7, Awana Porto Malai, Projek Lebuhraya Utara Selatan (Plus), Bina Puri Holdings Sdn Bhd, MMS Miller Sdn Bhd, Dorlon (New Zealand) Ltd, AWL-Kote (Singapore) Pte Ltd dan Bloomingdale Adverstising Sdn Bhd.

Azhar berkata, walaupun mentalnya sudah sedia memulakan pelayaran, beberapa perkara perlu dilaksanakan termasuk menyediakan kelengkapan persekolahan tiga anaknya iaitu Eizaz, 12; Elliz, 9; dan Eizhan, 6.

Menurut Azhar, isterinya juga tidak menghalang usahanya itu malah faham dengan keazamannya yang dipendam sekian lama.

Sekembali melakukan pelayaran itu, beliau bercadang untuk membuka galeri pelayaran di Kuala Lumpur bagi mempamerkan usahanya itu, cita-cita sejak berusia 18 tahun yang perlu dicapainya.

(END)